

07 MAY 2003

MIC (Analisis Berita) 2 Kuala Lumpur

SAMY VELLU TERUS KUKUHKAN PENGUASAAN DALAM MIC - 2

Bagaimanapun selepas rundingan, tidak sampai tujuh jam selepas mengemukakan borang pencalonannya, Teagarajan mengumumkan menarik diri daripada pertandingan di hadapan Samy Vellu, pada konvensyen MIC Kuala Lumpur.

Di kalangan kepimpinan MIC kini timbul desas-desus bahawa hartawan tekstil itu disebut-sebut akan dilantik semula menganggotai CWC dan mungkin diberikan tiket MIC untuk bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Timbalan Samy Vellu yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk S. Subramaniam, mengekalkan jawatan naib presiden tanpa bertanding pada 1 Mei, manakala samy Vellu sekali lagi menempa sejarah parti apabila mengekalkan jawatan presiden selama sembilan penggal berturut-turut apabila diumumkan menang tanpa bertanding jawatan itu selepas pencalonan ditutup pada 8 Mac.

Kini, pertandingan yang dinanti-nantikan pada persidangan perwakilan itu hanya membabitkan pemilihan 23 anggota CWC. Seramai 37 pemimpin MIC telah mengemukakan pencalonan masing-masing dan setakat ini, empat daripada mereka telah menarik diri.

Mereka yang menarik diri itu ialah Datuk S. Parasuraman dari Kedah, A. Arumugam (Kedah), S. Sellakrishnan (Negeri Sembilan) dan S. Ganeson (Pahang) dan orang dalam parti itu menjangkakan beberapa pemimpin lain juga akan menarik diri pada saat-saat akhir.

Samy Vellu, seperti tradisi pemilihan parti yang lepas, sudah menyediakan "senarai presiden" bagi 23 anggota CWC dan telah mengadakan kempen bergerak untuk memperkenalkan "kem beliau" kepada 1,457 perwakilan yang akan menghadiri persidangan perwakilan yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Sambutan perwakilan baik. Saya sudah memperkenalkan mereka dan perwakilan nampak gembira," kata Samy Vellu baru-baru ini ketika ditanya mengenai sambutan kepada pasukannya itu.

Salah seorang pembantu Menteri Kerja Raya itu berkata presiden MIC memerlukan pasukannya sendiri supaya tidak berlaku politik dalaman dalam MIC.

"MIC memerlukan kepimpinan yang boleh bekerja sebagai satu pasukan dalam usaha merealisasikan matlamat segera parti itu seperti mewujudkan Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia (AMIST) dan inilah yang dikehendaki oleh presiden," kata pembantu itu.

AIMST, cita-cita lama Samy Vellu, membabitkan pembinaan universiti bernilai RM450 juta di Kedah, yang dijangka siap dalam masa dua tahun.

Walaupun memilih pasukan sendiri merupakan usaha yang baik untuk parti dan kepimpinannya, salah seorang pemimpin dalam parti itu menjelaskan bahawa tindakan itu membantutkan pemimpin yang berpotensi daripada mengambil alih kepimpinan, yang telah disandang oleh sesetengah pemimpin lebih daripada 10 tahun.

"Jika Samy Vellu berada dalam kedudukan Teagarajan, tidak kah beliau akan melakukan perkara yang sama yang dibuat oleh Teagarajan? Saya tidak fikir begitu. Beliau (Samy) akan meneruskan hasrat dan bertanding. Kini kita tidak lagi melihat kepimpinan seperti itu.

"Semasa Samy Vellu mula meningkat naik dalam parti, dia berusaha untuk ke puncak. Beliau tidak melalui jalan mudah. Jadi, jika ada pemimpin yang mahukan kedudukan, mereka perlu bersedia untuk berjuang dan tidak menunggu

jawatan diberikan kepada mereka, kata seorang veteran MIC yang sudah bersara yang enggan namanya disiarkan.

Beliau berkata pasukan kepimpinan MIC sedia ada kurang kemahiran berpolitik kerana mereka tidak mempunyai cita-cita politik yang kuat serta tidak mempunyai keupayaan untuk berjuang seperti yang ditunjukkan oleh Samy Vellu pada awal pembabitannya dalam MIC.

Beliau juga berkata sistem pasukan yang diamalkan oleh presiden MIC menerusi pertandingan pada setiap tiga tahun, juga membantutkan usaha untuk mencari pemimpin baru.

"Apabila pemimpin dipilih oleh presiden, mereka yang kurang dikenali menjadi semakin tidak nyata kerana mereka tidak berpeluang untuk dilihat atau didengar. Jadi mereka kekal dalam kedudukan masing-masing sebagai pengerusi cawangan atau bahagian sepanjang kerjaya politik mereka," kata seorang anggota CWC yang telah dua penggal dalam jawatan itu.

Samy Vellu yang mempamerkan pengalaman politik yang tiada tandingannya dalam parti itu, tidak sahaja menyokong pemimpin yang dianggapnya berkupayaan untuk mengurus parti bagi tempoh tiga tahun akan datang, malah turut memberi amaran secara halus kepada mereka.

Beliau yang baru-baru ini ditanya sama ada parti itu telah memilih calonnya untuk bertanding pada pilihan raya akan datang, Samy Vellu berkata: "Ya, calon-calonnya sudah dipilih. Tetapi saya akan umumkan pada masa yang sesuai selepas disokong oleh Perdana Menteri. Ada banyak perubahan."

MIC pada masa ini mempunyai tujuh kerusi Parlimen dan 15 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan berdasarkan persempadanan semula kawasan pilihan raya, parti itu dijangka mendapat tambahan masing-masing satu kerusi Parlimen DUN.

Sebanyak 25 kerusi Parlimen dan 53 kerusi DUN baru diwujudkan ekoran persempadanan semula kawasan pilihan raya yang diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 8 April lepas.

Dengan mengatakan "Ada banyak perubahan", Presiden MIC itu sudahpun meletakkan semua pemimpin parti itu dalam keadaan tidak senang duduk. Anggota Parlimen dan DUN sedia ada dari MIC kini tertanya-tanya sama ada mereka akan mendapat tempat pada pilihan raya akan datang manakala mereka yang terlepas peluang sebelum ini, memikirkan pilihan raya kali ini mungkin membuka peluang yang ditunggu-tunggu itu.

Dalam MIC, kedudukan dalam parti tidak menjamin pemimpinnya mendapat kerusi Parlimen atau DUN.

"Beliau (Samy Vellu) bukan selemah itu. Beliau tahu permainan politik yang dicorakkannya dan melaksanakannya dengan baik. Buat masa ini, kita belum nampak ada sesiapa yang dapat mengambil alih kedudukannya. Lebih-lebih lagi dengan memberi kedudukan kepada pemimpin yang sehaluan dengannya membuktikan sesuatu yang pasti, Samy Vellu tidak akan mengosongkan kerusinya dalam masa terdekat ini, kata veteran MIC itu.

-- BERNAMA  
SR AHH LAT